

23/07/1998

Pinjaman RM18b rangsang ekonomi (HL)

Shamshul Azree Samshir; Bakhari Ariff

KUALA LUMPUR, Rabu - Kerajaan akan membuat pinjaman baru bernilai lebih RM18 bilion termasuk RM12.3 bilion daripada sumber luar negara menjelang Disember ini, bagi merangsang semula pemulihan ekonomi.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr Affifuddin Omar, berkata pinjaman yang merangkumi RM6 bilion daripada sumber dalam negara itu turut digunakan bagi melaksanakan projek prasarana secara besar-besaran di seluruh negara.

"Langkah membuat pinjaman baru itu bagi merangsang semula aktiviti ekonomi negara yang terjejas berikutan penurunan nilai ringgit sejak setahun lalu," katanya menjawab soalan tambahan Datuk Lim Si Cheng (BN-Senai) di Dewan Rakyat, hari ini.

Semalam, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan melaksanakan projek prasarana secara besar-besaran bagi mewujudkan lebih banyak aktiviti ekonomi dan menggerakkan industri lain.

Menurut Perdana Menteri, pendekatan itu salah satu daripada keputusan Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) kerana projek berkenaan yang membabitkan sektor pembinaan, boleh memberi faedah kepada 140 industri lain.

Menjawab soalan Tan Kok Wai (DAP-Cheras), Dr Affifuddin menjelaskan, kerajaan sedang berusaha mendapatkan pembiayaan daripada sumber dalam dan luar negara untuk merangsang semula aktiviti ekonomi.

Pinjaman luar negara adalah dari institusi multilateral seperti Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia dan Bank Pembangunan Islam selain pinjaman dua hala dari Jepun dan Kanada serta pinjaman pasaran modal.

Sehingga 15 Julai lalu kerajaan membuat pinjaman AS\$300 juta melalui Bank Dunia.

Menurut beliau, pinjaman luar negara biasanya diperolehi melalui syarat yang menarik seperti kadar faedah konsesi atau premium rendah serta tempoh bayaran balik yang panjang.

"Malaysia tidak mempunyai masalah mendapatkan dana daripada pasaran antarabangsa.

"Pinjaman itu diberi tanpa syarat dan memberi keanjalan kepada negara mengurus ekonominya sendiri, tidak seperti tawaran pinjaman Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) yang lebih mengikat," katanya.

Dr Affifuddin berkata, kedudukan hutang negara sekarang dalam pasaran cukup selamat dan boleh dibayar dengan nisbah cukai perkhidmatan yang dikenakan sekarang antara lima hingga enam peratus.

Kepada soalan tambahan Tan, beliau berkata jumlah hutang jangka sederhana dan panjang negara setakat ini ialah RM117.8 bilion, manakala hutang jangka pendek ialah RM38.8 bilion.

Mengenai perbezaan pinjaman di antara Bank Dunia dan IMF, Dr Affifuddin berkata pinjaman Bank Dunia untuk memastikan pembangunan berjalan di kebanyakan negara membangun, manakala hutang yang diberi dalam bentuk pinjaman mudah.

"Paling tinggi kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Dunia ialah 6.75 peratus iaitu kepada negara yang semakin maju seperti Malaysia, manakala kepada negara miskin seperti Bangladesh, hanya dua peratus dikenakan.

"IMF sebaliknya adalah institusi yang ditubuhkan untuk menyelamatkan dan menyusun semula struktur ekonomi negara yang menghadapi masalah.

"Apabila orang sakit teruk, banyak pantang larangnya yang perlu diikuti.

"Dalam konteks ini, IMF menggunakan pantang larang ini," katanya.

(END)